

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BERTULIS**  
**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : TUAN HAJI NASRUDIN BIN HASSAN  
[TEMERLOH]**

**TARIKH JAWAPAN : -  
DI DEWAN RAKYAT**

**SOALAN :**

Tuan Haji Nasrudin Bin Hassan minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan kajian keperluan pembinaan empangan Ulu Jelai dan Ulu Tenom yang terletak di Cameron Highlands.

## JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Projek Stesen Hidroelektrik Ulu Jelai (termasuk Empangan Susu) dengan kapasiti 372MW, kini sedang dalam pembinaan dan dijangka akan mula beroperasi sepenuhnya menjelang suku pertama tahun 2016. Manakala, Projek Stesen Hidroelektrik Telom berkapasiti 132MW, kini sedang dalam kajian kebolehlaksanaan dan kejuruteraan, dan kajian ini dijangka siap pada bulan April 2015. Stesen Hidroelektrik Telom dijangka akan mula beroperasi pada penghujung tahun 2022.
2. Kedua-dua stesen hidroelektrik ini yang terletak di Cameron Highland adalah diperlukan sebagai *peaking plant* untuk memenuhi permintaan puncak bagi tenaga elektrik yang dijangka meningkat sebanyak 27.8% daripada 16,901MW pada tahun 2014 kepada 21,594MW pada tahun 2023.
3. Disamping itu, kedua-dua projek hidroelektrik ini adalah diperlukan di atas sebab-sebab seperti berikut:

- (i) mengurangkan kebergantungan kepada bahan api fosil (seperti arang batu, minyak dan gas) yang terhad dan tidak menentu;
- (ii) meningkatkan keselamatan sistem pembekalan dan kepelbagaian sumber tenaga elektrik negara; dan
- (iii) menyumbang kepada peningkatan penjanaan tenaga elektrik daripada sumber tenaga boleh baharu.

\*\*\*\*\*

**NO. SOALAN: 436**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN HAJI NASRUDIN BIN HASSAN  
[ TEMERLOH ]**

**RUJUKAN : 7717**

**SOALAN:**

**Tuan Haji Nasrudin bin Hassan [ Temerloh ] minta MENTERI  
DALAM NEGERI menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk  
menyelesaikan kes penculikan kanak-kanak yang semakin meningkat  
setiap tahun.**

## **JAWAPAN:**

**Kes penculikan kanak-kanak merupakan satu isu yang kompleks yang memerlukan komitmen semua pihak termasuk komuniti dan ibu bapa sendiri. Antara langkah-langkah proaktif yang dilaksanakan bagi menangani kes penculikan ini adalah seperti berikut:-**

- i) Mewujudkan satu bahagian khas dalam PDRM bagi tujuan menyiasat dan menangani kes culik.**
- ii) Meningkatkan kesedaran kepada masyarakat supaya sentiasa berwaspada dan berhati-hati atas keselamatan diri dan keluarga dengan mempertingkatkan ilmu pencegahan jenayah dengan menutup ruang-ruang dan peluang kepada penjenayah seperti tidak membiarkan anak-anak bermain atau berjalan secara bersendirian dan bercakap dengan orang yang tidak dikenali.**
- iii) Menjalankan risikan dan mengenalpasti individu dan sindiket yang dipercayai melakukan jenayah culik.**
- iv) Meningkatkan kerjasama antara agensi bagi memastikan kes penculikan dapat ditangani secara menyeluruh dan mewujudkan talian khas iaitu talian Nur Kasih bagi memberi kemudahan kepada masyarakat untuk membuat laporan jika**

**terlihat kanak-kanak dalam keadaan mencurigakan atau tidak berada dalam pengawasan ibu bapa atau pun penjaga.**

- v) Menggalakkan orang ramai supaya menggunakan kaedah-kaedah pencegahan jenayah seperti penggunaan kamera litar tertutup (CCTV) yang boleh merakam orang yang mencurigakan.**
  
- vi) Melaksanakan program *advocacy* melalui televisyen seperti menyiarkan iklan yang mengandungi panduan kepada kanak-kanak ketika berada di luar rumah dan langkah-langkah keselamatan yang harus diberi perhatian oleh kanak-kanak dalam bentuk animasi atau pun kartun.**

**Statistik kanak-kanak yang dilaporkan diculik untuk tebusan bagi tahun 2012 hingga 2015 (Februari) dan jumlah kes yang berjaya diselesaikan adalah seperti berikut:-**

Bil	Tarikh	No Repot	Jantina/Bangsa	Umur	Kes/faktor	Status
1.	27/4/12	TRAVERS Rpt 3063/12	Lelaki /Belanda	12	Culik	Selamat
2.	29/5/12	KLUANG RPT 6175/13	Lelaki/India	7	Culik	Selamat
3.	11/6/12	MUAR RPT 6769/13	Lelaki/Cina	1	Culik	Selamat
4.	20/1/13	PUTRA HEIGHT RPT 157/13	Lelaki/Cina	6	Cuai	Mati lemas
5.	2/2/13	PANDAMARAN RPT 930/13	Lelaki/Cina Perempuan/Cina	13 12	Lari Rumah	Selamat
6.	20/5/13	BT BERENDANG RPT 1583/13	Lelaki/India	13	Culik	Mati di rumah
7.	19/6/14	SENTUR RPT 9529/14	Perempuan/India	15	Lari Rumah	Selamat
8.	15/11/2014	TELUK BAHANG RPT 978/14	Lelaki/India	14	Culik	Selamat
9.	22/1/2015	KLANG RPT 3046/15	Lelaki/Cina	5	Culik	Selamat